

Telephone: Students Unit
(020 7402 0045)
Students Hostel
(020 7402 0953)
Fax: 020 7262 8406
Website: www.upp.org.uk
Email: admin@upp.org.uk



سورهنجاى تىقكى نكارهونى دارالسلام

SURUHANJAYA TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM

(STUDENTS UNIT)
35 – 43 Norfolk Square
London W2 1RX

**SURAT PEMBERITAHUAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT BIL 11/2011
11 April 2011**

**Kepada: Semua Pelajar Warganegara dan Penduduk Tetap
Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Eire**

**MAJLIS JUNJUNG ZIARAH KEHADAPAN MAJLIS
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DENGAN PENUNTUT-PENUNTUT DAN RAKYAT KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA DI UNITED KINGDOM DAN EIRE**

Dengan hormat merujuk Minit Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di London bertarikh 03 Jamadilawal 1432H bersamaan 07 April 2011M, sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi **Majlis Junjung Ziarah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Dengan Penuntut-Penuntut dan Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Di United Kingdom dan Eire.**

Sehubungan dengan itu, sukacita memaklumkan semua pelajar warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang berdaftar dengan Unit Penuntut-Penuntut adalah diundang untuk hadir di majlis itu nanti. Majlis itu akan diadakan pada:

**Hari : Ahad
1 Mei 2011**

Jam : Akan dimaklumkan kemudian

**Tempat : Hotel London Hilton on Park Lane
22 Park Lane
London W1K 1BE**

Bersesuaian dengan kedudukan Majlis rasmi yang beradat istiadat, maka para pelajar hendaklah memberi perhatian yang khusus tentang perkara-perkara yang berikut, iaitu:

1. PENDAFTARAN

- a. Para pelajar dikehendaki melengkapkan [Borang Pendaftaran](#) yang disediakan dan mengembalikannya dengan segera ke Unit Penuntut-Penuntut (admin@upp.org.uk) **tidak lewat dari hari Ahad, 17 April 2011**
- b. Waktu untuk pendaftaran dibuka akan dimaklumkan kemudian melalui website UPP.
- c. Pelajar dikehendaki membawa dan menunjukkan kad pelajar yang sah laku (tidak mansuh) kepada Pegawai-pegawai Keselamatan dan Pegawai-pegawai Pendaftaran yang bertugas.

Sila rujuk kepada No. 7. Tata Cara Pendaftaran.

2. PAKAIAN

Para pelajar dikehendaki mematuhi etika berpakaian kemas dan sopan bagi majlis-majlis rasmi Kerajaan, iaitu:

a. Pakaian Lelaki:

- Sepangadak baju cara Melayu atau
- 'Lounge suit' berwarna gelap dan bersongkok

b. Pakaian Perempuan:

- Baju kurung / kebaya dan bertudung/selendang
- 'Formal suit' berwarna gelap (berseluar panjang/skirt panjang)

Pakaian yang tidak bersesuaian dan menjolok mata adalah ditegah sama sekali untuk dipakai di Majlis itu nanti, contohnya adalah seperti yang berikut:

- Pakaian tanpa lengan
- Pakaian yang ketat
- Skirt pendek
- Baju yang terlalu nipis
- Pakaian yang mempunyai gambar dan perkataan
- Selipar atau sandal

3. TATA TERTIB DAN ETIKA MAJLIS RASMI

- a. Pelajar hendaklah berambut kemas dan tidak diwarnakan.
- b. Pelajar lelaki tidak dibenarkan sama sekali memakai anting-anting. Manakala pelajar perempuan hanya dibenarkan memakai anting-anting telinga sahaja.

- c. Pelajar, sebagai mereka yang terpilih dan mendapat peluang keemasan ini hendaklah sentiasa mengikut arahan yang diberikan oleh Jawatankuasa Majlis Junjung Ziarah, menunjukkan kelakuan baik, sabar, berbudi bahasa, berhemah tinggi dan bersopan santun di sepanjang Majlis tersebut. Pelajar juga adalah digalakkan mempelajari 'bahasa dalam' untuk digunakan apabila bercakap dengan para Kerabat Diraja dan Pembesar Negara.
- d. Para pelajar dituntut untuk menjaga nama baik keseluruhan pelajar di United Kingdom dan Ireland dengan mengelakkan kelakuan-kelakuan seperti membuat bising, berebut-rebut, bertolak-tolak, bergaduh, berteriak, bersiul, mem'boo' dan sebarang tingkah laku yang bertentangan dengan adat istiadat dan amalan serta nilai sebagai orang Brunei.
- e. Tidak meninggalkan Majlis sehingga keberangkatan balik Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seluruh Kerabat Diraja.
- f. Oleh sebab Majlis ini adalah khusus untuk pelajar warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam, maka para pelajar tidak boleh mempela orang lain hadir bersama mereka ke Majlis itu nanti.

4. KEBERANGKATAN MASUK KE DALAM DEWAN

Semasa pengumuman keberangkatan masuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seluruh Kerabat Diraja, para pelajar adalah dikehendaki berdiri di tempat masing-masing dengan tertib hingga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seluruh Kerabat Diraja duduk di tempat masing-masing.

5. KEBERANGKATAN BALIK

Apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seluruh Kerabat Diraja diumumkan akan berangkat balik, sekali lagi para pelajar dikehendaki berdiri di tempat masing-masing sehingga Baginda dan seluruh Kerabat Diraja selamat berangkat meninggalkan majlis.

Seterusnya para pelajar bergerak keluar dengan teratur dan sabar serta saling bekerjasama dengan para hadirin yang lain di Majlis itu.

6. KESELAMATAN DIRI DAN BARANG PERIBADI

- a. Semua pelajar adalah bertanggungjawab terhadap harta benda sendiri. Pihak Unit Penuntut-Penuntut tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan atau kehilangan hak milik peribadi pelajar.
- b. Alat-alat tajam dan berbahaya tidak dibenarkan dibawa ke Majlis ini.
- c. Sebarang kecemasan yang berlaku hendaklah dilaporkan kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Tatatertib dan pegawai-pegawai keselamatan yang bertugas.

7. TATA CARA PENDAFTARAN UNTUK PELAJAR

Bagi memastikan kehadiran pelajar ke Majlis itu adalah teratur maka pelajar adalah dikehendaki:

- a. Memastikan kad pelajar adalah kad yang betul dan sah laku (tidak mansuh). Dalam hubungan ini, pelajar yang telah bertukar biasiswa hendaklah memastikan kad pelajar mereka telah diperbaharui.
- b. Membawa kad pelajar ke Majlis tersebut dan menunjukkan kad pelajar tersebut kepada Pegawai-pegawai Keselamatan semasa hendak memasuki kawasan Majlis. Sekiranya kad pelajar tersebut tidak betul atau sudah mansuh, Pegawai-pegawai Keselamatan berhak untuk menghalang para pelajar memasuki kawasan Majlis itu nanti;
- c. Menunjukkan kad pelajar kepada Pegawai Pendaftaran di meja-meja yang telah disediakan mengikut nombor kad pelajar masing-masing. Sila pastikan pelajar menuju meja pendaftaran yang betul bagi mengelakkan masa terbuang. Rajah kedudukan meja akan dimaklumkan kemudian melalui website UPP;
- d. Menurunkan tandatangan di ruang yang telah disediakan di dalam senarai nama yang disediakan oleh pegawai-pegawai pendaftaran yang bertugas; dan,
- e. Memastikan kad pelajar sentiasa disematkan di baju/tudung di sepanjang Majlis itu berlangsung. ('Badge holder' hendaklah dibeli sendiri oleh pelajar)

8. JAMUAN:

Jamuan akan disediakan untuk para pelajar dan jamuan akan berakhir kira-kira dua (2) jam sebelum keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

9. PERINGATAN:

Para pelajar hendaklah mematuhi semua peraturan yang disediakan dan kegagalan para pelajar berbuat demikian boleh mengakibatkan para pelajar tidak dibenarkan masuk ke Majlis itu nanti. Adalah diingatkan juga, pihak Jawatankuasa Kawalan dan Tata Tertib boleh mengambil tindakan yang bersesuaian jika didapati para pelajar melakukan sesuatu yang boleh mencemarkan dan merosakkan Majlis.

Ahkirnya, saya menasihati para pelajar agar menunjukkan sifat yang terpuji dan kematangan sebagai seorang pelajar dan hendaklah memberikan kerjasama yang padu untuk memastikan Majlis itu akan berjalan dengan lancar dan akan menjadi ristaan manis sepanjang masa.

Atas kerjasama yang diberikan, saya terlebih dahulu mengucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Wassalam.

'Akhlaq Mulia Kehidupan Sempurna'



ABDULLAH BIN HAJI AHAD
Pengarah Pengajian
b.p Pesuruhjaya Tinggi

Salinan kepada:

- Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi)
- Penolong Pengarah Biasiswa

Rujukan : BSU A/14/5
Tarikh : 12 Jamadilawal 1432
11 April 2011

WO